



جامعة السلطان الشري夫 على الإسلامية  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

**Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Semester I, Sesi Akademik 2020/2021**

**Kertas Soalan  
Peperiksaan Akhir**

**Kod Kursus : SJ4303**  
**Nama Kursus : Acara Sivil di Mahkamah Syariah**  
**Peringkat Kursus : Sarjana Muda**  
**Masa : 3 jam**

**Rujukan yang dibenarkan:**  
**PERINTAH KANUN PERATURAN JENAYAH MAHKAMAH SYARIAH,  
2018**

**Arahan:**

Jawab **EMPAT (4)** soalan dari soalan-soalan berikut. **SOALAN PERTAMA** adalah **SOALAN WAJIB**.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

### BAHAGIAN A

#### **SOALAN 1 (15 Markah) [SOALAN WAJIB]**

Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah, 2018 mentafsirkan “kesalahan tidak boleh tangkap” sebagai kesalahan yang Pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis tidak lazimnya menangkap tanpa waran –

- (a) Bagaimanapun, dalam keadaan tertentu Pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis boleh menangkap tanpa waran ke atas orang yang melakukan kesalahan tidak boleh tangkap. Nyatakan keadaan itu. (2 Markah)
  
- (b) Jelaskan prosedur yang patut dilakukan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis itu setelah melakukan tangkapan tanpa waran dalam keadaan di para (1) di atas. (2 Markah)
  
- (c) Selain waran tangkap, sebutkan tiga(3) lagi jenis waran yang boleh dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah di bawah undang-undang prosedur jenayah. (1½ Markah)
  
- (d) Semasa menjalankan penyiasatan, Pegawai Penguatkuasa Agama dan pegawai polis juga diberi kuasa oleh undang-undang prosedur jenayah untuk mengeluarkan perintah bertulis kepada seseorang supaya hadir di hadapan mereka. Nyatakan dua(2) sahaja orang yang boleh diarahkan hadir itu dan tujuan kehadiran mereka. (2 Markah)
  
- (e) Jelaskan tindakan yang patut atau boleh dilakukan menurut undang-undang prosedur jenayah oleh pegawai-pegawai berikut –
  - i. Pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis, apabila mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa seseorang berada di bawah pengaruh alkohol atau minuman yang memabukkan. (1½ Markah)

- ii. Pegawai Penyiasat, jika saksi enggan melaksanakan bon kehadiran yang dikeluarkan oleh pegawai penyiasat supaya hadir di hadapan Mahkamah untuk memberikan keterangan terhadap tertuduh.  
(1½ Markah)
- iii. Ketua Pendakwa Syar'ie, jika berpendapat keterangan yang telah diperolehi dalam suatu kesalahan jenayah adalah cacat dan tidak cukup untuk dijadikan asas bagi menjalankan perbicaraan.  
(1½ Markah)
- iv. Ketua Pendaftar, jika berpendapat notis rayuan tidak menunjukkan alasan rayuan yang substantial.  
(1½ Markah)
- v. Ahli-ahli Mahkamah Rayuan Syariah, jika keputusan sebulat suara gagal dicapai dalam rayuan bagi kesalahan *qatlul-‘amd*.  
(1½ Markah)

## **SOALAN 2 (15 Markah)**

Undang-undang prosedur jenayah banyak memberikan kuasa kepada Pegawai Penguatkuasa Agama dan pegawai polis untuk menjalankan penyiasatan. Antara kuasa-kuasa itu adalah melakukan geledahan dan merekodkan pernyataan –

- (a) Lazimnya geledahan dilakukan dengan kuasa waran geledah yang dikeluarkan oleh Mahkamah;
  - i. Namun dalam keadaan tertentu, geledahan boleh dilakukan tanpa waran. Jelaskan keadaan itu.  
(1½ Markah)
  - ii. Apabila mengeluarkan waran geledah, Mahkamah boleh membataskan tempat atau bahagian tertentu sahaja untuk penggeledahan. Nyatakan tujuan Mahkamah berbuat sedemikian.  
(1½ Markah)
  - iii. Sebutkan tempoh sah suatu waran geledah yang dikeluarkan oleh Mahkamah.  
(1 Markah)

iv. Jelaskan empat(4) sahaja geledahan ke atas tubuh badan yang dibenarkan oleh undang-undang.

(4 Markah)

(b) Pernyataan yang dibuat di hadapan Pegawai Penguatkuasa Agama dalam suatu penyiasatan tidak boleh digunakan sebagai keterangan dalam Mahkamah, melainkan dalam beberapa keadaan tertentu –

i. Sebutkan keadaan-keadaan itu.

(3 Markah)

ii. Menurut bab 80(1), Pegawai Penguatkuasa Agama, pegawai polis atau orang yang mempunyai kuasa tidak boleh menggunakan apa-apa dorongan, ancaman, janji, penindasan atau kekerasan untuk mendapatkan pernyataan orang yang dituduh. Jelaskan maksud “orang yang mempunyai kuasa” itu.

(2 Markah)

iii. Di dalam kes *Pendakwa Syar'ie lwn Hj Md Yunus dan seorang lagi* MRS/RJ/2/2004, Mahkamah Rayuan Syariah berpendapat wujud unsur paksaan dan kepentingan untuk mendapatkan orang yang dituduh tetap salah daripada Pegawai Penguatkuasa Agama. Nyatakan alasan Mahkamah berpendapat sedemikian.

(2 Markah)

### **SOALAN 3 (15 Markah)**

Jelaskan isu undang-undang yang dibangkitkan di hadapan Mahkamah berikut, dan keputusan Mahkamah itu terhadap isu tersebut, di dalam kes –

(a) *Pendakwa Syar'ie lwn. Sulastri binti Hj Basir dan seorang lagi* [2001-2003] Laporan Undang-Undang Syariah Brunei 225  
(Mahkamah Rendah Syariah & Mahkamah Tinggi Syariah)

(5 Markah)

(b) *Pendakwa Syar'ie lwn. Hjh Darul 'Ain binti Abdullah* MRhS/J/BM 223/2005, MTS/RJ/BM 06/2008 & MRS/RJ/BM 1/2010  
(Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi & Mahkamah Rayuan Syariah)

(10 Markah)

BAHAGIAN BSOALAN 4 (15 Markah)

Pertuduhan adalah suatu pemberitahuan kepada orang yang dituduh akan perkara yang ia dipertuduhkan. Dari itu, pertuduhan mesti jelas dan mengandungi butir-butir yang mencukupi tentang kesalahan yang dipertuduhkan –

- (a) Sebutkan butir-butir yang perlu dimasukkan dalam pertuduhan apabila orang yang dituduh akan didakwa dengan kesalahan *hirabah*.

(3 Markah)

- (b) Jelaskan kesan kesilapan, ketinggalan atau salah aturan dalam pertuduhan yang diperuntukkan oleh undang-undang prosedur jenayah syariah.

(4 Markah)

- (c) Di dalam kes *Pendakwa Syar'ie lwn Khairuddin* MTS/JEN/36/2006, Pendakwa Syar'ie telah meminda pertuduhan daripada satu (1) tuduhan yang menyeluruh kepada empat (4) tuduhan yang spesifik. Mahkamah Tinggi Syariah membenarkan pindaan itu. Orang yang dituduh tidak berpuashati dengan keputusan MTS itu dan mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Rayuan Syariah –

- i. Nyatakan alasan rayuan orang yang dituduh itu.

(2 Markah)

- ii. Jelaskan keputusan Mahkamah Rayuan Syariah terhadap rayuan itu.

(2½ Markah)

- (d) Apabila seseorang didakwa untuk dibicarakan atas suatu pertuduhan yang tidak sempurna, Hakim Syar'ie boleh merangka suatu pertuduhan baru. Jelaskan dengan ringkas tetapi padat, tentang prosedur perbicaraan yang perlu dilakukan oleh seorang Hakim Syar'ie selepas dia merangka pertuduhan itu.

(3½ Markah)

SOALAN 5 (15 Markah)

Seorang hakim bukanlah *functus officio* sehingga beliau menjatuhkan satu hukuman. Terdapat tiga (3) tujuan utama penghukuman iaitu tujuan balasan, deteren dan pemulihan –

(a) Terangkan tujuan dederen yang disebutkan itu, dan berikan satu (1) contoh jenis hukuman yang menggambarkan tujuan dederen tersebut.  
(1½ Markah)

(b) Antara hukuman yang sedia ada di Mahkamah Syariah ialah hukuman mati. Namun, dalam keadaan tertentu hukuman mati itu tidak boleh dijatuhkan atau direkodkan atau dilaksanakan ke atas pesalah tertentu –

i. Sebutkan kepada siapa hukuman mati itu tidak boleh dijatuhkan atau direkodkan walaupun orang itu disabitkan bersalah atas kesalahan itu.  
(1½ Markah)

ii. Nyatakan hukuman yang Mahkamah patut perintahkan ke atas pesalah di ceraian (i) di atas sebagai ganti kepada hukuman mati itu.  
(1½ Markah)

iii. Sebutkan kepada siapa hukuman mati itu tidak boleh dilaksanakan setelah orang itu disabitkan bersalah atas kesalahan itu.  
(1 Markah)

iv. Nyatakan perintah yang patut Mahkamah buat terhadap pelaksanaan hukuman mati itu ke atas pesalah di ceraian (iii) di atas.  
(1½ Markah)

(c) Sebutkan empat (4) sahaja perbezaan di antara peruntukan bab-bab 124, 198 dan 199 di dalam undang-undang prosedur jenayah syariah.  
(3 Markah)

(d) Tingkah laku pesalah setelah perbuatan kesalahan dan taraf pesalah adalah antara faktor peringangan dan pemberatan dalam penghukuman –

i. Pesalah insaf dan bertaubat akan mendorong Mahkamah menghukum pesalah dengan ringan. Nyatakan dua (2) lagi tingkah laku pesalah setelah perbuatan kesalahan yang boleh ditimbangkan dalam peringangan hukuman.  
(2 Markah)

ii. Terdapat tiga (3) kedudukan atau taraf pesalah yang boleh menjadi faktor pemberatan dalam penghukuman. Jelaskan.  
(3 Markah)

## **SOALAN 6 (15 Markah)**

Dalam satu prosiding perbicaraan di hadapan Mahkamah Tinggi Syariah, *A* dan *B*, telah dipertuduh melakukan kesalahan *zina* yang boleh dihukum rejam sehingga mati –

- (a) Mengikut undang-undang prosedur jenayah syariah, kes ini hendaklah dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi Syariah dengan jumlah korum hakim syarie yang tertentu. Jelaskan. (1½ Markah)
  
- (b) Jika semasa prosiding itu, *A* dan *B*, memohon untuk dilepaskan dengan ikat jamin, nyatakan apakah keputusan yang patut diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah terhadap permohonan itu. Berikan alasan kamu. (1½ Markah)
  
- (c) Di akhir perbicaraan, Mahkamah Tinggi Syariah secara sebulat suara telah memutuskan bahawa, *A* dan *B*, bersalah dan seterusnya menjatuhkan hukuman menurut undang-undang –
  - i. Nyatakan prosedur selanjutnya yang patut dilakukan oleh Mahkamah Tinggi Syariah terhadap hukuman itu. (1½ Markah)
  
  - ii. Jika, *A* dan *B*, memfailkan notis rayuan;
    - (a) Nyatakan kedudukan hukuman itu, dan (1 Markah)
  
    - (b) Perintah yang Mahkamah Rayuan Syariah patut kenakan ke atas *A* dan *B*, sementara menunggu keputusan rayuan itu. (1½ Markah)
  
    - iii. Jika Mahkamah Rayuan Syariah menolak rayuan itu, nyatakan tindakan selanjutnya yang perlu dilakukan oleh Ketua Hakim Syar'ie terhadap sabitan dan hukuman itu. (1½ Markah)
  
- (d) Sebutkan tiga (3) persamaan dan lima (5) perbezaan di antara “rujukan” yang diperuntukkan di bawah bab 270 dan bab 280 dari undang-undang prosedur jenayah syariah. (6½ Markah)